




## PROJEK AKADEMIKA BARU PADA HARI TERBUKA TPU.2

Pada 4 Jun 2012 (Isnin) yang lalu, Bahagian Transformasi dan Pengurusan Risiko telah menganjurkan Hari Terbuka Program Transformasi Universiti 2 (TPU.2)" di Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru.

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL) telah mempamerkan lapan projek di bawah Task Force Akademia Baru yang diletakkan dibawah KFA Akademik dan Antarabangsa. Task Force Akademia Baru ini diketuai oleh Pengarah CTL, Professor Baharuddin Aris. Senarai projek-projek tersebut adalah:

PROJEK	KETUA PROJEK
Local Case Study	Tn. Hj Yahya Samian
Scenario Based Learning	Prof. Madya Dr. Muhammad Sukri bin Saud
UTM Student Centered Learning (SCL) Spaces	Dr. Johari bin Surif
UTM Open Courseware	Prof. Dr. Mohamed Noor Hasan
MIT-UTM BLOSSOMS	Prof. Dr. Mohamed Noor Hasan
Video Exemplary Professionals	Prof. Madya Dr. Jamalludin bin Harun
Edutainment	Pn Norah Md Noor
OBE Analysis System	Engr. Dr. Istas Fahrurrazi Nusyirwan

Tujuan Hari Terbuka TPU.2 ini adalah untuk mendapatkan maklumbalas daripada semua warga UTM terhadap kesemua projek di bawah TPU.2 dan memaparkan perkembangan projek yang dilaksanakan. Hal ini sejajar dengan ucapan daripada Y.Bhg. Dato' Naib Canselor, dalam sesi perjumpaan bulanan bagi 2 Mei 2012 yang lalu berkaitan TPU.2 dan Pelan Global Universiti 2012-2020.







Dalam pameran hari terbuka program transformasi universiti yang diadakan baru-baru ini, CTL telah mengambil bahagian dengan mempamerkan lapan projek di bawah task force akademia baru - pedagogi baru. Pelaksanaan projek-projek ini diharapkan dapat menjadi pemacu kepada usaha universiti untuk menjadi universiti global dalam kelompok 50 unversiti terbaik dunia menjelang tahun 2020. Ini selaras dengan peranan CTL yang telah diberikan tanggungjawab besar membina kerangka dan pedagogi untuk melatih staf akademik melaksanakan Akademia Baru.

Projek-projek yang bakal dilaksanakan ini terbahagi kepada dua kumpulan utama: kumpulan pertama merupakan projek-projek pedagogi baru sementara kumpulan kedua lebih kepada mempelbagaikan sumber digital bagi menyokong pelaksanaan akademia baru. Jika diamati dengan lebih terperinci, projek-projek yang akan dilaksanakan ini semuanya mengarah kepada pembelajaran berpusatkan pelajar. Sememangnya untuk menghasilkan graduan yang berfikiran kritis, kreatif dan berciri keushawanan, kaedah pembelajaran yang diamalkan sepanjang masa mereka berada di universiti mestilah diubah daripada yang berpusatkan pensyarah kepada yang berpusatkan pelajar. Yang lebih penting sekarang bukanlah bahan yang hendak disampaikan tetapi ialah kebolehan pelajar untuk mencari ilmu sendiri. Bahan yang disampaikan mungkin akan mereka lupa tetapi kemahiran untuk belajar sendiri akan kekal selamanya dan kemahiran ini amat berfaedah apabila mereka menempuh alam pekerjaan atau apabila menjadi ushawan muda kelak.

## Sidang Redaksi

### Ketua Editor

Prof. Dr. Mohamed Noor bin Hasan (mnoor@utm.my)

### Editor

Prof. Dr. Baharuddin bin Aris (bba@utm.my)  
Pn. Norah bte Md Noor (norah@utm.my)  
Tn. Hj Yahya bin Samian (yahya@fkm.utm.my)  
En. Mohd Fazilah bin Abdullah (mfazilah@utm.my)

### Pembantu Penerbitan

En. Abd Jalil bin Sairi (aj-sairi@utm.my)  
Pn. Norafeza Mohamed Ismail (norafeza@utm.my)

### Grafik & Visual

En. Raja Muhammad Fariz bin Raja Rohaizat Shah (rmfariz@utm.my)

### Jurufoto

En. Supandi bin Bunangin (supandi@utm.my)

### Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL)

Bangunan Pusat Siswazah (F54)  
81310 UTM Johor Bahru  
Tel.: 07-55 37594 / 37851  
Faks: 07-5537860

Versi elektronik: [www.ctl.utm.my/buletin](http://www.ctl.utm.my/buletin)

# Lawatan Pusat Teknologi Maklumat, Universiti Malaysia Terengganu

**B**ahagian Pengurusan Teknologi, Pusat Teknologi Maklumat, Universiti Malaysia Terengganu telah mengadakan lawatan kerja ke UTM pada 18 Jun 2012 yang lalu. Seramai 14 orang peserta yang mengikuti lawatan ini adalah terdiri daripada Pegawai Teknologi Maklumat, Pereka, Juruteknik Komputer dan Ahli Fotografi.



Tujuan pihak UMT mengadakan lawatan tersebut adalah untuk mendapatkan pengetahuan, pengalaman dan berkongsi kemahiran terutamanya dalam bidang e-pembelajaran dan Produksi Multimedia daripada Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT) serta Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL).

Agenda lawatan merangkumi penerangan dan perbincangan mengenai

1. Teknikal e-pembelajaran UTM oleh CICT
2. Perlaksanaan e-pembelajaran oleh CTL
3. Perlaksanaan Multimedia /Video/Produksi
4. Lawatan ke CICT, dan Studio Rakaman dan Makmal Multimedia CTL

Semoga lawatan kerja yang dibuat ke CICT dan CTL ini dapat memberi manfaat kepada pengurusan e-pembelajaran oleh Pusat Teknologi Maklumat, Universiti Malaysia Terengganu pada masa akan datang.

## Lawatan Prof. dari MIT



Pada 5 Julai 2012 yang lalu, CTL telah menerima lawatan Associate Professor Daniel D. Frey daripada Massachusetts Institute of Technology (MIT). Prof. Daniel D. Frey ialah Co-Director, Singapore - MIT International Design Center dan juga merupakan Co Principle Investigator MIT BLOSSOMS.

Semasa lawatan tersebut, perbincangan telah diadakan bersama ahli-ahli projek UTM-MIT BLOSSOMS untuk merancang pelaksanaan aktiviti projek Blossoms di UTM.



# WORLD OPEN EDUCATIONAL RESOURCES (OER) CONGRESS 2012

ORGANISATION DES NATIONS UNIES POUR L'ÉDUCATION LA SCIENCE ET LA CULTURE



**P**rof. Dr. Mohamed Noor Hasan, Timbalan Pengarah CTL telah menghadiri persidangan World Open Educational Resources (OER) Congress 2012 yang telah diadakan di ibu pejabat UNESCO, Paris, Perancis pada 20-22 Jun 2012. Persidangan yang dihadiri oleh lebih 400 orang peserta yang terdiri daripada perwakilan kerajaan, pendidik, NGO, dan universiti dari seluruh dunia telah dianjurkan oleh UNESCO dengan kerjasama Commonwealth of Learning (COL) dengan sokongan William and Flora Hewlett Foundation.

Matlamat utama persidangan ialah menyediakan platform bagi para peserta mempamerkan dan berkongsi maklumat mengenai pelbagai inisiatif dan polisi mengenai OER yang diamalkan di negara atau institusi masing-masing. Secara umumnya para delegasi bersetuju bahawa konsep OER adalah merupakan trend pendidikan di peringkat global pada masa akan datang, bukan sahaja untuk mengambil faedah daripada kemudahan internet yang memudahkan proses perkongsian maklumat tetapi juga untuk meningkatkan mutu pendidikan itu sendiri. Persidangan kali ini juga telah mengisytiharkan Deklarasi OER Paris 2012 yang antara lain menyeru negara-negara peserta supaya mempromosikan penggunaan OER secara lebih meluas di semua peringkat pendidikan.

## Kursus e-Learning Technology Update

**U**niversiti Teknologi Malaysia (UTM) di bawah tanggungjawab Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL) telah mula menggunakan perisian Moodle sebagai sistem e-Pembelajaran untuk semua kursus yang ditawarkan mulai tahun 2005. Setelah sekian lama menggunakan perisian ini dan mengendalikan kursus penggunaannya kepada pensyarah, UTM telah berjaya membangunkan kepakaran dari segi penggunaan dan pengendalian perisian ini. Pada hari ini UTM telah dikenali di seluruh negara sebagai pengguna utama perisian Moodle di Malaysia.

Dari masa ke semasa pihak CTL dan Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT) yang membantu dari segi perkakasan dan perisian sokongan e-pembelajaran UTM selalu menerima permintaan daripada pihak luar seperti kolej komuniti, institusi pendidikan dan universiti untuk mengendalikan kursus Moodle bagi program e-pembelajaran mereka.

Pada 26 – 28 Jun 2012 yang lalu, CTL telah melaksanakan kursus e-Learning Technology Updates bertempat di Makmal Komputer, CICT bagi memenuhi permintaan daripada Institut Aminudin Baki (IAB), Kementerian Pelajaran Malaysia. Seramai 15 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah kanan, pengurus IT dan pentadbir sistem dan rangkaian daripada IAB telah menyertai kursus ini.

Kursus telah dilaksanakan dalam dua modul: Modul 1 (User Requirement on eLearning, 1 hari) dan Modul 2 (Configuration of e-Learning Hardware & Software Infrastructure, 2 hari).



Fasilitator yang terlibat dalam membantu pelaksanaan kursus ini adalah:

**PN. NORAH BINTI MD NOOR**  
Pusat Pengajaran & Pembelajaran (CTL)

**PROF. MADYA MUHAMMAD MUN'IM BIN AHMAD ZABIDI**  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik

**PROF. MADYA HANIZAM BIN SULAIMAN**  
**EN. HELMY NUR BIN FARID**  
**EN. JAAFAR SIDEK BIN HARON**  
**EN. MOHD ROZI BIN KATMIN**  
**EN. MOHAMMED BIN MOHD HASNI**  
**CIK. SYAZANA BINTI SELAMAT**  
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT)

Semoga pengisian kursus ini dapat membantu pihak IAB meningkatkan penggunaan perisian Moodle sebagai sistem e-pembelajaran mereka sekaligus meningkatkan kecekapan sistem pelayan yang sedia ada ke tahap yang paling optimum.






## Kursus Pengenalan Pendidikan Berasaskan Hasil (Outcome-Based Education - OBE)

Buat julung kalinya kursus ini diadakan khusus kepada Pentadbir kalangan Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar pelbagai Fakulti dan Jabatan yang terdapat di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) termasuk di Kuala Lumpur. Seramai 27 orang peserta telah menghadiri kursus tersebut bertempat di Palm Resort Golf and Country Club, Senai, Johor pada 18 hingga 19 Jun 2012.

Pemahaman terhadap keperluan, pendekatan dan kerangka OBE ini adalah penting bagi mereka yang terlibat secara langsung dengan persekitaran akademik. Pelaksanaannya di UTM juga bukanlah sesuatu yang baru kerana ianya telah bermula sejak tahun 2004. Kursus yang sama telahpun dilaksanakan kepada staf bukan akademik seperti Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Setiausaha Pejabat, Juruteknik, Pembantu Makmal termasuk Pembantu Am Pejabat pada 2011 melalui enam siri kursus yang melibatkan seramai 478 orang peserta secara keseluruhan.

Keperluan ini dinyatakan secara jelas dalam KPI Critical Agenda Project (CAP) Teaching and Learning di bawah Pelan Strategik Pengajaran Tinggi Negara (PSPTN) dengan menetapkan kehadiran staf bukan akademik untuk kursus-kursus berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran (P & P). Penetapan ini dilihat wajar dengan mengambilkira peranan staf bukan akademik dalam pelaksanaan OBE dan ketika berlakunya proses pengauditan yang melibatkan agensi seperti Malaysian Qualification Agency (MQA) atau Engineering Accreditation Council (EAC).

## Bengkel Penyediaan 'Framework' dan 'Project Proposal' New Pedagogy (New Academia)



UTM sentiasa komited dalam menyediakan program pendidikan peringkat tinggi yang berkualiti, inovatif dan relevan dengan keperluan dan dasar pembangunan negara walaupun telah memperolehi status Universiti Penyelidikan. Antara inisiatif terkini UTM di bawah tanggungjawab CTL adalah melaksanakan transformasi menerusi Model Akademia Baru UTM.

Pada 27 hingga 29 April 2012, CTL telah mengadakan Bengkel Penyediaan 'Framework' dan 'Project Proposal' di bawah Task Force New Pedagogy (New Academia) UTM bertempat di Avilion Legacy Melaka. Bengkel ini mengumpulkan kesemua ketua dan seorang ahli bagi setiap 8 projek new academia bagi mengemaskini dan memantapkan kertas kerja untuk dibentangkan di JPU. Ia juga bertujuan untuk menyiapkan poster bagi tujuan pameran pada Hari Terbuka Transformasi pada awal bulan Jun 2012.





# MESYUARAT KERJASAMA KETUA-KETUA PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN IPTA MALAYSIA (MAGNETIC) KALI KE-18

Mesyuarat tersebut telah diadakan pada 8 Mei 2012 di Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu. Pihak Sekretariat UTM telah mendapat kerjasama yang baik daripada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) selaku tuan rumah sepanjang mesyuarat tersebut. Kesemua universiti kecuali Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) telah diwakili oleh Pengarah atau Ketua Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (P & P) masing-masing termasuk daripada Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) dan Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT).

Mesyuarat turut mengalu-alukan kehadiran Prof. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin (JPT) sebagai ahli mesyuarat dan pada masa yang sama merakamkan penghargaan kepada Prof. Dr. Zarida binti Hambali. Mesyuarat turut mengambil kesempatan dengan mengucapkan selamat datang kepada Prof. Dr. Abd Karim bin Alias dari Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik, Universiti Sains Malaysia (USM).

Antara maklumat dan isu yang disampaikan dalam bentuk makluman serta perbincangan di kalangan ahli mesyuarat adalah seperti berikut:

- 1) Pusat Pembelajaran dan Pengajaran AKEPT merancang untuk melaksanakan 41 program untuk 2012. Sebanyak 31 program daripadanya memberi tumpuan kepada latihan jurulatih utama (ToT) dalam 15 bidang pembelajaran dan pengajaran yang dikenal pasti. Terdapat 7 persidangan yang telah dan akan dianjurkan oleh IPTA termasuk secara bersama dengan AKEPT iaitu:
  - a) International Conference on Teaching and Learning in Higher Education 2012 (ICTLHE) bersama MAGNETIC dan UTM pada 10-12 April 2012 di Klana Resort, Seremban.
  - b) AKEPT-University of Malaya Conference on Discourse and Society 2012 bersama Universiti Malaya pada 27-29 Jun 2012 di Hotel Intercontinental Kuala Lumpur.
  - c) EDUCATE12: Assessing Assessment bersama Monash University dan UIAM pada 3-4 Julai 2012 di Hotel Intercontinental Kuala Lumpur.
  - d) Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi dalam Sistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional bersama Jabatan Pengajian Politeknik, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti dan UTHM pada 25-26 September 2012 di Politeknik Nilai.
  - e) International Conference on Higher Education Leadership and Management (ICHELM) bersama UPSI pada 16-18 Oktober 2012 di Hotel Concorde Shah Alam.
  - f) Artistic Interspaces of Malaysia Symposium (A.I.M.S) 2012 bersama UiTM dan Cornell University pada 25-27 Oktober 2012 di Ithaca, New York.
  - g) Kongres Pengajaran dan Pembelajaran anjuran UKM pada 4 - 7 November 2012 di Johor Bahru.
- 2) Jangkaan input seramai 100,000 orang pelajar di peringkat Tingkatan 3 dan 4 sekarang akan turut memberi kesan kepada input pelajar diperingkat universiti dalam bidang Sains dan implikasinya adalah kesediaan IPTA menerima pelajar-pelajar tersebut.
- 3) Tindakan secara bersama antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Sumber Manusia dalam mewujudkan satu ekosistem yang dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada pelajar dalam bidang Sains melalui penggubalan skim yang bersesuaian di peringkat universiti. Semua universiti bertaraf Universiti Penyelidikan (RU) boleh menggunakan skim ini pada masa akan datang.
- 4) Transformasi akan dilaksanakan di peringkat Politeknik dan Kolej Komuniti dimana pensyarah mempunyai cabaran besar dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (P&P). Setiap IPTA diminta membantu Politeknik dan Kolej Komuniti melalui perkongsian amalan terbaik dalam P&P.
- 5) IPTA diminta memberi penekanan kepada persekitaran pengajaran yang kondusif sama ada yang melibatkan kemudahan fizikal P&P termasuk kemudahan-kemudahan yang lain yang dapat membantu proses P&P di luar persekitaran universiti.
- 6) Sekretariat MAGNETIC UTM telah menerima peruntukan sebanyak RM50,000.00 daripada JPT dan merancang menggunakannya untuk penyediaan Modul Amalan Terbaik Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran IPTA. Satu kajian ilmiah yang menjurus kepada penggubalan Polisi Pengajaran dan Pembelajaran IPTA akan dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan ini.
- 7) Pihak Sekretariat telah mendapatkan khidmat Penerbit UTM Press untuk urusan penerbitan dan dijangka dapat diedarkan kepada ahli mesyuarat pada mesyuarat yang akan datang.
- 8) Mesyuarat dimaklumkan bahawa kebanyakan IPTA telah berjaya melepasi sasaran KPT untuk pelaksanaan My3S baru-baru ini. Walau bagaimanapun terdapat keperluan mendesak supaya data berkenaan dikembalikan semula kepada setiap IPTA untuk dianalisa secara lebih terperinci mengikut keperluan masing-masing.
- 9) Dana penyelidikan yang dinamakan sebagai Dana Pembangunan Pengajaran (IDG) telah diwujudkan di UTM untuk membantu staf akademik menjalankan kajian tentang P&P. MAGNETIC disaran agar dapat merancang tindakan atau strategi bagaimana untuk memperkasakan penyelidikan berdasarkan P & P yang juga berkait dengan inovasi.
- 10) MAGNETIC dijangka mampu membentuk kumpulan penyelidikan di kalangan ahli yang berperanan dalam membuat penyelidikan berkaitan skop seperti Effectiveness of Curriculum Based on OBE, Science and Mathematics T&L dan Research of Current Strategies.





# KURSUS DAN BENGKEL ANJURAN PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (CTL) BULAN MEI – JUN 2012



BIL.	KURSUS	TARIKH	TEMPAT	BIL. PESERTA
1	KURSUS OBE-ASSESSMENT & CQI	5 - 6 JUN 2012	BILIK SENAT, DSI	37 Orang
2	KURSUS ADVANCED E-LEARNING 2.0	13 JUN 2012	MAKMAL KOMPUTER CTL	34 Orang
3	KURSUS PENGENALAN PENDIDIKAN BERDASARKAN HASIL (OBE)	18 – 19 JUN 2012	BILIK SENAT, DSI	27 Orang
4	KURSUS ASAS E-PEMBELAJARAN	20 JUN 2012	MAKMAL CICT, UTM KL	42 Orang
5	KURSUS PENULISAN PROPOSAL PENYELIDIKAN PENDIDIKAN KEJURUTERAAN	21 JUN 2012	BILIK MESYUARAT CTL	12 Orang
6	KURSUS OBE-ASSESSMENT & CQI	27-28 JUN 2012	PERPUSTAKAAN SULATANAH ZANARIAH, UTM KL	27 Orang

## KALENDAR KURSUS/BENGGKEL PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (CTL) JULAI – SEPTEMBER 2012

BIL.	KURSUS	KATEGORI	KUMPULAN SASARAN	TARIKH
1	KURSUS PENYEDIAAN CRR & PRR ONLINE	B	Terbuka	6 JULAI
2	BENGGKEL OPEN COURSEWARE SIRI 4	B	Terbuka	24 - 25 JULAI
3	KURSUS SPPT-PENGAJARAN DENGAN TEKNOLOGI	B	Terbuka	16 - 19 JULAI
4	KURSUS SPPT-PENGAJARAN & PEMBELAJARAN	B	Terbuka	27 OGOGS - 7 SEPTEMBER





# ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG



Pihak CTL ingin mengucapkan tahniah kepada dua orang staf CTL yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2011 sempena Majlis Citra Karisma yang telah berlangsung pada 3 Julai 2012. Dua orang penerima anugerah kali ini ialah Puan Noraini binti Khalid - Setiausaha Pejabat dan Encik Salimi bin Ismail - Juruteknik Komputer. Semoga kejayaan ini akan memberi semangat dan segala usaha gigih akan dipertingkatkan dari masa ke semasa bagi kecemerlangan Universiti.

## PERTANDINGAN BOWLING STAF CTL

Pada 19 Mei 2012 bertempat di Le Grandeur Palm Resort, Senai telah berlangsung satu pertandingan bowling yang melibatkan staf CTL & Myline. Pertandingan ini telah diadakan dari jam 9.00 pagi hingga 1.30 tengahari dan dibahagikan kepada beberapa kategori seperti Kategori Lelaki dan Perempuan, Kategori Skor Tertinggi, Kategori Paling Banyak Masuk Longkang dan Kategori CTL Vs MyLine. Juara bagi keseluruhan telah disandang oleh Staf MyLine iaitu En. Muhammad Harfanizam bin Harun dan piala pusingan pula telah dimenangi oleh juara bertahan iaitu En. Mohamed Fairuz Dahalan. Tahniah juga diucapkan kepada para pemenang bagi setiap kategori dan semua staf yang telah menjayakan pertandingan ini.





# SUMBER PENDIDIKAN TERBUKA (OER)

Kemudahan komunikasi secara digital yang ada pada hari ini, khususnya internet, telah memudahkan perkongsian bahan pembelajaran di kalangan pendidik, pelajar dan pengguna dari seluruh dunia. Adalah dijangkakan trend perkongsian bahan pembelajaran secara terbuka di peringkat global akan terus meningkat dan memberikan impak yang besar kepada pendidikan di masa akan datang. Artikel ringkas ini diharap dapat memberikan sedikit penjelasan mengenai konsep sumber pendidikan terbuka, faedah penggunaannya dan panduan ringkas untuk mendapatkannya.

Sumber pendidikan terbuka (open educational resources atau ringkasnya OER) ialah sebarang sumber pendidikan, termasuklah bahan kursus, buku teks, video, aplikasi multimedia, yang dihasilkan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran, yang boleh diperolehi secara terbuka oleh pendidik dan pelajar tanpa sebarang bayaran lesen atau royalti. Istilah OER mula diperkenalkan pada tahun 2002 dalam sebuah forum anjuran UNESCO mengenai impak open courseware. Walaupun OER selalu dikaitkan dengan open courseware yang dipelopori oleh MIT, ia sebenarnya meliputi ruang lingkup yang lebih luas.

OER telah muncul sebagai konsep yang berpotensi untuk menyokong transformasi pendidikan. Walaupun nilai pendidikannya terletak pada penggunaan sumber sebagai kaedah pembelajaran, namun kuasa transformasinya terletak pada kemudahan untuk menyebar dan berkongsi bahan tersebut melalui internet. Suatu ciri penting yang membezakan OER dengan sumber pendidikan lain ialah dari segi lesennya di mana bahan OER biasanya dikaitkan dengan lesen terbuka yang memudahkan penggunaan semula dan adaptasi bahan asal tanpa perlu meminta kebenaran terlebih dahulu daripada pemegang hakcipta.

## Isu Hak Cipta dan Hara Intelekt

Perkara penting yang kerap menimbulkan kebimbangan para pendidik dan pentadbir institusi pendidikan tinggi apabila bercakap mengenai perkongsian bahan pendidikan ialah isu harta intelek. Sebenarnya hakcipta terhadap bahan pembelajaran yang dikongsikan masih menjadi hak milik penulis asal (atau institusi), cuma penulis asal memberikan kelonggaran kepada pengguna untuk menggunakan semula, mengadaptasi, atau mengedarkan semula hasil karya tersebut - dengan syarat nama penulis asal hendaklah dikekalkan. Untuk keterangan lanjut mengenai pelbagai pilihan dari segi cara untuk memberikan lesen terbuka kepada bahan OER, pembaca boleh merujuk kepada laman web creative commons (<http://creativecommons.org>).

Perlu diingatkan bahawa sebahagian daripada bahan pendidikan masa kini memang berpotensi untuk dikomersilkan, dalam bentuk buku, perisian, model dan lain-lain. Oleh itu, jika bahan pendidikan tersebut memang mempunyai nilai komersil, ia perlu diberi peluang untuk dikomersilkan dan semua hakcipta haruslah dipelihara.

Satu lagi punca kebimbangan di kalangan pendidik apabila hendak menyumbangkan bahan pembelajaran secara terbuka ialah bahan pembelajaran tersebut akan terdedah kepada penelitian umum, sama ada kepada rakan pendidik, pelajar atau pengguna lain. Sebenarnya, ini dengan tak secara langsung dapat meningkatkan kualiti bahan yang disediakan kerana yang empunya bahan akan terlebih dahulu memastikan bahan yang hendak dikongsikan itu benar-benar berkualiti dan yang terbaik.

## Faedah perkongsian secara terbuka

Berikut disenaraikan beberapa faedah yang diperolehi melalui perkongsian bahan pendidikan secara terbuka:

Oleh kerana bahan digital mudah untuk dikongsi antara pelajar dan institusi, berkongsi secara terbuka sebenarnya ialah cara paling selamat untuk melindungi hakcipta penulis. Ini kerana apabila bahan diubahsuai atau dikongsi, nama penulis asal perlu dikekalkan. Ia juga mengurangkan insentif untuk orang lain menipu mengenai sumber asal kerana mereka memang dibolehkan untuk menggunakannya. Tambahan pula, sebarang bentuk plagiat boleh dikesan dengan mudah kerana karya asal boleh diperolehi secara digital dengan mudah.

Perkongsian bahan memberi peluang kepada institusi untuk memasarkan khidmat pendidikan yang ditawarkan oleh institusi berkenaan. Institusi yang faham bahawa potensi sebenar nilai pendidikan bukan lagi terletak pada bahan semata-mata (yang kini boleh diperolehi dengan mudah daripada pelbagai sumber terbuka) tetapi dari khidmat yang boleh diberikan kepada pelajar. Ini termasuklah perancangan pengajaran yang berkesan, tutorial, amali, sesi perbincangan, kaunseling, penaksiran dan maklumbalas berkesan terhadap pencapaian pelajar. Dalam situasi ini, semakin banyak bahan yang dikongsi untuk tujuan pemasaran, semakin mudah untuk menarik pelajar-pelajar baru untuk mengikuti pengajian di institusi berkenaan.

Bagi pendidik, insentif untuk perkongsian bahan perlu disediakan melalui polisi yang bersesuaian oleh pihak institusi. Bagaimanapun, sekiranya tiada polisi yang memberikan insentif, pendidik yang sedia untuk berkongsi bahan pembelajaran yang mereka hasilkan berpeluang untuk meningkatkan reputasi mereka di kalangan rakan pendidik. Sudah tentu ini juga bergantung pada kualiti bahan yang mereka kongsi.

## Bagaimana memperolehi OER

### 1. Engin carian khusus untuk OER

- Global Learning Objects Brokered Exchange (GLOBE) Alliance: [www.globe-info.org](http://www.globe-info.org)
- Folksemantic: [www.folksemantic.com](http://www.folksemantic.com)
- DiscoverED: [discovered.labs.creativecommon.org/search/en](http://discovered.labs.creativecommon.org/search/en)
- Creative Commons Search: [search.creativecommons.org](http://search.creativecommons.org)
- Open Courseware Consortium: [www.ocwconsortium.org/courses/search](http://www.ocwconsortium.org/courses/search)


### 2. Repositori OER

- OpenLearn: [openlearn.open.ac.uk](http://openlearn.open.ac.uk)
- MedEd portal: [services.aamc.org/30/mededportal](http://services.aamc.org/30/mededportal)
- MIT OCW: [ocw.mit.edu](http://ocw.mit.edu)

### 3. Direktori OER

- OER Commons: [www.oercommons.org](http://www.oercommons.org)
- Commonwealth of Learning: [www.col.org/OER](http://www.col.org/OER)

Artikel ini telah diadaptasi daripada: Neil Butcher (2011) "A Basic Guide to Open Educational Resources (OER)" Asha Kanwar and S. Uvalić-Trumbić (Eds.), Commonwealth of Learning, Canada and UNESCO, Paris.



Laman web OER Commons - contoh direktori OER



Laman web UTM Open CourseWare - contoh repositori OER berasaskan open courseware.